

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB  
[ MACHANG ]**

**TARIKH : 19 MEI 2015**

**RUJUKAN : 7853**

**SOALAN:**

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) apakah inisiatif berterusan Kementerian dalam membendung gejala samseng yang semakin berleluasa; dan
- (b) setakat ini, berapakah jumlah samseng mahupun individu yang menyertai pertubuhan kongsi gelap ini telah berjaya di tahan dan didakwa di bawah Akta Pencegahan Jenayah dari OPS Cantas sehinggalah sekarang.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (a), kegiatan gangsterism atau gejala samseng dalam negara ketika ini hangat diperkatakan oleh pelbagai pihak dan lapisan masyarakat. Ianya juga menjadi topik hangat yang dibincangkan dalam forum, seminar dan juga dalam perbahasan di Parlimen. Kementerian memandang serius dan sentiasa komited dalam usaha untuk membanteras aktiviti jenayah dalam negara khususnya kes-kes yang melibatkan jenayah berat dilakukan oleh kumpulan kongsi gelap dan *Thug Gang*. Bagi mengatasi masalah gangster dan samseng, Kementerian dan PDRM telah mengambil tindakan seperti berikut:-**

- i) Kementerian Dalam Negeri telah mengistiharkan 72 Pertubuhan tidak sah di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan peristiharan itu menyebut bahawa tiada sesiapa dibenarkan menggunakan semua tulisan, senarai anggota, panji-panji, logo, simbol atau tanda berhubung dengan sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang. Bagi menguatkuasakan perintah larangan tersebut pihak polis telah melancarkan Ops Cantas bermula pada 23 Ogos 2013 bagi mengesan mereka-mereka yang terlibat dalam aktiviti kongsi gelap dan gangsterism mengikut maklumat yang ada dalam rekod polis sehingga kini.**

- ii) Dalam menentukan tindakan pencegahan lebih spesifik terhadap jenayah yang dikenalpasti didalangi oleh kumpulan gangster dan kongsi gelap tertentu, PDRM telah menubuhkan tiga pasukan khas yang berpangkalan di Bukit Aman iaitu:-
- a) *Special Task Force on Organised Crime (STAFOC)* dengan kekuatan seramai 200 orang pegawai yang bertindak untuk mengambil tindakan terhadap jenayah terancang.
  - b) *Special Tactical Intelligence Narcotics Group (STING)* dengan kekuatan seramai 200 orang pegawai bagi mengambil tindakan terhadap masalah pengedaran dan penyalahgunaan dadah di dalam dan luar negara.
  - c) *Special Task Force For Anti Vice, GAMING and Gangsterism (STAGG)* dengan kekuatan seramai 200 orang pegawai polis dan 30 orang kakitangan awam bagi mengambil tindakan terhadap perjudian haram, pelacuran dan aktiviti kongsi gelap dan *Thug Gang*.

Bagi menjawab soalan (b), tindakan tangkapan dan pendakwaan terhadap ahli kumpulan kongsi gelap yang diambil tindakan di bawah seksyen 3(1) Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Pindaan dan Permeluasan) selepas diwartakan pada 2 April 2014 seperti berikut:-

BIL	BANGSA	JUMLAH
1.	Melayu	23
2.	Cina	15
3.	India	79
4.	Lain-lain Bangsa	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>118</b>

Pihak polis akan meneruskan operasi secara berterusan bagi menjamin keselamatan negara sentiasa terpelihara dan sehingga rakyat akan merasa selamat dan memastikan '*fear of crime*' di kalangan masyarakat dapat dikurangkan.